

sains

KERATAN AKHBAR

24 - 27 MEI 2022

SELASA - JUMAAT

**NEW
STRAITS TIMES**

Star The people's paper
Kosmo! SUARA KONTemporari

Utusan Penyeler fikiran rakyat
MALAYSIA

Sinar suara aknna komuniti anda
harian

astro
AWANI

NOGORI KITO

facebook

**THE EDGE
MARKETS**
MAKE BETTER DECISIONS

Sun

**FMT
news**
FREE AND INDEPENDENT

malaysiakini
terkini untuk anda

BERNAMA

**MEDIA
RANIA**

星洲日報
SIN CHEW DAILY

南洋商報
NANYANG SIANG PAU

中國報
CHINA PRESS

malaymail
since 1995

LRA Ngori-Ngori

FOTO BERNAMA | 24 Mei 2022



Keadaan terkini Loji Rawatan Air (LRA) Ngori-Ngori Fasa 1 pada Majlis Pecah Tanah Pembinaan Loji Rawatan Air Ngori-Ngori Fasa 2 di Pantai hari ini.

Loji Rawatan Air Sungai Ngori-Ngori mampu memproses dan merawat air minuman sekitar 150 juta gelen sehari.



Projek utama bekalan air NS siap dibina

Seremban: Beberapa projek utama di bawah skim pembiayaan Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) berjaya disiapkan dengan peruntukan berjumlah RM435.37 juta di Negeri Sembilan.

Pengerusi PAAB, Datuk Dr Mohd Khairuddin Aman Razali berkata, ia termasuk projek Pembinaan Loji Rawatan Air Ngoro-Ngoro Fasa 2 yang dijangka meningkatkan kapasiti bekalan air sehingga 150 juta liter sehari bernilai RM228 juta menerusi pembiayaan pajakan bulanan ditetapkan PAAB.

"Pembiayaan pajakan bulanan ditetapkan kepada PAAB adalah dengan persetujuan Syarikat Air Negeri Sembilan Sdn Bhd (Sains).

"Sejak pelan penstrukturkan semula industri bekalan air di bawah skim pembiayaan PAAB ditandatangani pada 2008, pelbagai projek bekalan air dilaksanakan di negeri ini termasuk membangunkan aset baharu seperti loji rawatan air dan membaik pulih aset-aset sedia ada termasuk mengantikan jajaran paip uzur.

"Pelbagai perancangan sedang dirangka oleh PAAB bersama Sains untuk penyelesaian masalah bekalan air jangka panjang membaikkan beberapa inisiatif projek berkeutamaan tinggi termasuklah projek Pembinaan LRA Ngoro-Ngoro Fasa 2 ini," katanya.

Beliau berkata demikian semasa berucap pada Majlis Pecah Tanah Pembinaan Loji Rawatan Air Ngoro-Ngoro Fasa 2 di sini, semalam.

Majlis disempurnakan Menteri Besar, Datuk Seri Aminuddin Harun.

Sementara itu, Aminuddin berkata, permintaan terhadap bekalan air bersih dan terawat di daerah ini terutama di Nilai dan Sendayan yang semakin pesat membangun dapat dipenuhi kelak menerusi pembinaan Loji Rawatan Air Ngoro-Ngoro Fasa 2.

Beliau berkata, projek itu adalah hasil peruntukan sebanyak RM347.25 juta yang diluluskan kerajaan Persekutuan bagi tempoh 2021 sehingga 2023 melalui pembiayaan PAAB untuk pembangunan bekalan air baharu di Negeri Sembilan.

"Projek ini bakal menampung keperluan pembangunan Malaysia Vision Valley (MVV) meliputi kawasan seluas 153,000 hektar membaikkan Seremban serta Port Dickson yang juga lokasi pembangunan terancang, lestari dan inklusif secara berfasa sehingga 2045," katanya.

Disiarkan pada: Mei 25, 2022 @ 6:38pm

Hotel bajet 'curi' air dikompaun

Seremban: Hotel bajet di bandar ini dikenakan notis pemberitahuan kesalahan selepas dikesan mendapat bekalan air bersih tanpa melalui meter yang sah.

Dalam satu hantaran di Facebook, Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), tindakan itu diambil berdasarkan aduan yang diterima Syarikat Air Negeri Sembilan Sdn Bhd (Sains) berkenaan wujud potensi penyambungan bekalan air terawat secara menyalahi undang-undang.

Berikut itu, Sains mengatur satu operasi bersepada bagi mengesahkan aduan berkenaan yang diterima.

"Hasil pemeriksaan di lokasi, hotel berkenaan didapati menggunakan paip jenis Unplasticized Polyvinyl Chloride (UPVC) bersaiz 15 milimeter (mm) di tetiang meter premis itu.

"Semakan pihak Sains juga mendapati akaun bekalan air di premis titu adalah berstatus 'pemotongan' dan tindakan segera perlu dilakukan.

"Ujian teknikal yang dilaksanakan juga mendapati bekalan air yang diperolehi secara tidak sah itu adalah untuk kegunaan harian penghuni di hotel bajet itu," kata SPAN.

Menurutnya, ujian klorin juga dilaksanakan dan hasil ujian mengesahkan ia adalah air terawat yang dibekalkan Sains.

Katanya, kes berkenaan disiasat mengikut peruntukan Seksyen 123 (1) Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655) dan sabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjara tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.

Disiarkan pada: Mei 25, 2022 @ 3:18pm

Loji Rawatan Air Ngori-Ngori Fasa 2 penuhi permintaan air bersih, terawat

SEREMBAN: Permintaan terhadap bekalan air bersih dan terawat di daerah ini terutama di kawasan Nilai dan Sendayan yang semakin pesat membangun dapat dipenuhi kelak menerusi pembinaan Loji Rawatan Air Ngori-Ngori Fasa 2.

Menteri Besar, Datuk Seri Aminuddin Harun berkata, projek itu adalah hasil peruntukan sebanyak RM347.25 juta yang diluluskan kerajaan Persekutuan bagi tempoh 2021 sehingga 2023 melalui pembiayaan Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) untuk pembangunan bekalan air baharu di Negeri Sembilan.

"Ia termasuk projek bagi Pembinaan Loji Rawatan Air Ngori-Ngori Fasa 2 yang dijangka meningkat kapasiti bekalan air sehingga 150 juta liter sehari dengan nilai keseluruhan berjumlah RM228 juta menerusi pembiayaan pajakan bulanan yang ditetapkan kepada PAAB.

"Projek ini bakal menampung keperluan pembangunan Malaysia Vision Valley (MVV) meliputi kawasan seluas 153,000 hektar melibatkan daerah Seremban serta Port Dickson yang merupakan pembangunan terancang, lestari dan inklusif secara berfasa sehingga 2045," katanya sewaktu berucap merasmikan Majlis Pecah Tanah Pembinaan Loji Rawatan Air Ngori-Ngori Fasa 2 di sini, semalam.

Yang hadir sama Pengurus PAAB, Datuk Dr. Mohd. Khairuddin Aman Razali.

Jelas Aminuddin, projek Pembinaan LRA Ngori-Ngori Fasa 2 sangat penting kepada MVV kerana ia adalah nadi utama memastikan permintaan bekalan air bersih dan terawat dapat dipenuhi sekali gus menampung kapasiti bekalan air di Seremban, Nilai dan Sendayan yang semakin pesat membangun.

"Kerja pembinaan semua projek tersebut dijangka siap secara keseluruhannya pada 2024 dengan keseluruhan skim projek ini berupaya menambah kapasiti bekalan air terawat bagi menampung permintaan tinggi pengguna selaras dengan keperluan semasa rakyat di Negeri Sembilan," katanya.

Sementara itu, Mohd. Khairuddin berkata, sejak pelan penstrukturkan semula industri bekalan air di bawah skim pembiayaan PAAB ditandatangani pada 2008, pelbagai projek bekalan air dilaksanakan di Negeri Sembilan termasuk membangunkan aset baharu seperti loji rawatan air dan membaik pulih aset-aset sedia ada termasuk menggantikan jajaran paip uzur di negeri ini.

"Dalam tempoh itu juga, beberapa projek utama di bawah skim pembiayaan PAAB disiapkan dengan peruntukan berjumlah RM435.37 juta melalui pembiayaan pajakan bulanan yang ditetapkan kepada PAAB dengan persetujuan Syarikat Air Negeri Sembilan Sdn. Bhd. (Sains).

"Pelbagai perancangan sedang dirangka oleh PAAB bersama Sains untuk penyelesaian masalah bekalan air jangka panjang yang melibatkan beberapa inisiatif projek berkeutamaan tinggi termasuklah projek Pembinaan LRA Ngori-Ngori Fasa 2 ini," katanya. – **UTUSAN**

Hotel bajet curi air diserbu

SEREMBAN - Sebuah hotel bajet di daerah ini diserbu Syarikat Air Negeri Sembilan Sdn Bhd (Sains) dan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) selepas disyaki membuat penyambungan air secara haram.

Ketua Jabatan Komunikasi Korporat, Norzita Ismail berkata, serbuan pada Selasa jam 11 pagi itu mendapati penghuni premis melakukan penyambungan tidak sah menggunakan paip Unplasticized Polyvinyl Chloride (UPVC) bersaiz 15 milimeter (mm).

"Penyambungan itu dilakukan tanpa melalui sebarang meter untuk kegunaan operasi harian hotel bajet tersebut.

"Pegawai penguat kuasa Sains turut menjalankan ujian klorin di lokasi terbabit dan terbukti bekalan air yang digunakan adalah air terawat milik Sains," katanya dalam satu kenyataan kepada media pada Jumaat

Menurutnya, SPAN telah menyita semua pepasan dan punca sambungan yang dibuat sebagai bahan bukti.

Ujarnya, kes disiasat di bawah Seksyen 89(9) Akta Industri Perkhidmatan Air 2006, sabit kesalahan boleh dikenakan hukuman denda sebanyak RM50,000 atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali.

Sementara itu katanya, Sains akan terus mempertingkatkan pemantauan serta penguatkuasaan terhadap kegiatan curi air di seluruh Negeri Sembilan melibatkan pengguna komersial dan domestik.

"Tindakan tegas ini merupakan salah satu langkah berterusan Sains dalam mengurangkan kadar kehilangan air tidak berhasil ataupun Non Revenue Water (NRW)," katanya.



Pegawai SPAN mengambil gambar sebagai bukti air yang disyaki dicuri

Kerajaan Negeri Sembilan Tiada Masalah Lulus Tanah TOL Untuk Petani

SEREMBAN, 27 Mei – Kerajaan Negeri Sembilan tidak mempunyai masalah berhubung penyediaan tanah Lesen Kependudukan Sementara (TOL) untuk tanaman kontan, kerana selalu meluluskannya untuk petani kecil, Menteri Besar Negeri Sembilan, Dato' Seri Aminuddin Harun.

"Kita setiap minggu luluskan tanah TOL itu..pengusaha kecil kita bantu dengan tanah itu, kita tengok kalau sesuai kita luluskan seperti di Jempol kita luluskan 100 ekar tanah kolam terbiar kepada petani, untuk diusahakan semula."

"Malah, baru-baru ini kita juga turut mengadakan perjanjian dengan Selangor untuk jalankan projek tanaman jagung bijirin di Gemas dan Kuala Langat Selatan di tanah lebih 400 ekar," katanya kepada pemberita selepas merasmikan majlis pecah tanah Loji Rawatan Air (LRA) Ngori-Ngori Fasa 2 di sini pada Khamis.

Beliau berkata demikian mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob semalam yang meminta kerjasama kerajaan negeri, agensi kerajaan dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) menyediakan tanah TOL untuk penanaman jagung bagi jangka masa panjang sebagai alternatif kepada makanan ayam.

Dalam pada itu, beliau berkata agensi berkaitan terutama Jabatan Pertanian perlu sentiasa proaktif dan turun padang bagi menyelami permasalahan dan isu dialami petani sekali gus membantu memperkasakan sektor pertanian dalam negara.

"Bukan masalah tanah semata-mata, tetapi perlu lihat isu musuh tanaman, harga baja dan pagar yang mahal...itu juga penting dan perlu dilihat, baru selesai masalah bekalan makanan di negara kita," katanya.

Sementara itu, beliau berkata projek pembangunan LRA Ngori-Ngori Fasa 2 di sini dengan kos RM228 juta dan dijangka siap pada 2024 itu bakal menampung keperluan pembangunan Malaysia Vision Valley (MVV) meliputi kawasan seluas 378,071 ekar (153,000 hektar).

Aminuddin berkata LRA berkenaan merupakan nadi utama memastikan permintaan bekalan air bersih dan terawat dipenuhi, selain menambah kapasiti bekalan air sehingga 150 juta liter sehari di Seremban, Nilai dan Sendayan yang semakin pesat membangun.

Jelasnya projek berkenaan juga termasuk dalam agenda pembangunan bekalan air baharu di Negeri Sembilan melalui pembiayaan Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) berjumlah RM347.25 juta yang diluluskan Kerajaan Persekutuan bagi tempoh 2021 sehingga 2023.



27 MEI 2022
JUMAAT

SEREMBAN 27 MEI 2022 – JUMAAT

Sebuah hotel bajet di daerah ini diserbu Syarikat Air Negeri Sembilan Sdn Bhd (Sains) dan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) selepas disyaki membuat penyambungan air secara haram.

Ketua Jabatan Komunikasi Korporat, Norzita Ismail berkata, serbuan pada Selasa jam 11 pagi itu mendapati penghuni premis melakukan penyambungan tidak sah menggunakan paip Unplasticized Polyvinyl Chloride (UPVC) bersaiz 15 milimeter (mm).

"Penyambungan itu dilakukan tanpa melalui sebarang meter untuk kegunaan operasi harian hotel bajet.

"Tindakan tegas ini merupakan salah satu langkah berterusan Sains dalam mengurangkan kadar kehilangan air tidak berhasil ataupun Non Revenue Water (NRW)," katanya.

非法驳接水管偷水 芙蓉廉价酒店被查获

2022年5月27日 681点阅

(芙蓉27日讯) 廉价酒店涉嫌偷水遭取缔!

国家水务委员会 (SPAN) 及森州水务公司 (SAINS) 日前早上11时，在芙蓉展开取缔行动，由国家水务委员会执法人员艾万率队。

执法人员发现廉价酒店的住户非法驳接水管，在没有通过水表的情况下，取水供廉价酒店的日常用途。

此案将在2006年工业水务服务法令第89 (9) 条文下展开调查，一旦罪成，业者可被罚款最高5万令吉或坐牢不超过6个月，或两者兼施。

水务公司官员也在现场进行氯测试，证明该酒店所使用的水供是属于水务公司的滤水，而国家水务委员会官员也充公所有偷水用具，作为证据。

水务公司将会继续加强监督及执法，对付州内商业及住家用户涉及的偷水活动，以减低无收益水的损失。

水务公司感谢民众的协助，一起减少州内的偷水活动，民众若有任何偷水情报，可联络水务公司热线1-800-88-6982，举报者资料将被保密。

